

UMNO perlu disiplin jika nak roboh kubu PAS— Menteri

ALOR SETAR, Selasa — Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Haji Embong Yahya menegaskan, ahli-ahli UMNO perlu disiplin dan bersatu padu jika ingin meroboh kubu kuat PAS.

"Hanya dengan disiplin dan bersatu padu UMNO tidak boleh dikalahkan oleh PAS bila-bila masa pun," katanya ketika berucap merasmikan kursus sivik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Bukit Pinang dekat sini.

Datuk Haji Embong mengingatkan, sebarang perpecahan di kalangan ahli-ahli UMNO akan hanya digunakan oleh PAS untuk mencapai tujuan politik mereka.

Bellau berkata, PAS akan berusaha sedaya upaya mencari kelemahan UMNO serta perpecahan yang berlaku di kalangan ahli-ahlinya sebagai senjata untuk menentang UMNO da-

lam pilihanraya akan datang.

Datuk Haji Embong yang juga Ketua Penerangan UMNO Malaysia menegaskan, Barisan Nasional menunaikan segala janji yang dibuat dalam pilihanraya tetapi parti-parti pembangkang hanya membuat janji-janji kosong.

Syiar Islam

Bellau dukacita ada setengah golongan mendakwa, kerajaan Barisan Nasional menggubal dasar tidak mengikut lunas-lunas Islam.

Katanya, amatlah hairan kerana ada golongan pelampau yang menuduh kerajaan terlalu kebendaan dalam melaksanakan dasar-dasarnya.

Datuk Haji Embong berkata, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan syiar Islam dan melaksanakan projek-projek pembangunan berpandukan Islam.

Mengenai kursus sivik, bellau berkata ia amat penting bagi memberi penerangan yang seluasnya kepada rakyat mengenai dasar-dasar kerajaan dan projek-projek yang sedang dilaksanakan.

"Kita tidak mahu orang ramai dipengaruhi atau diracuni dengan dakyah-dakyah ahli-ahli parti pembangkang yang bertujuan memutarbelitkan sesuatu dasar kerajaan itu," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia